

13 AUG 2001

Watikah-Penerbangan

WATIKAH JEMPUTAN KE SUKAN SEA XXI DISERAHKAN KEPADA VIETNAM

Oleh: Rozaini Ahmad

HANOI, 13 Ogos (Bernama) -- Watikah jemputan rasmi untuk menghadiri Sukan SEA Ke-21 September ini di Kuala Lumpur, hari ini diserahkan kepada Kerajaan Vietnam di sini.

Wakil khas kepada Menteri Belia dan Sukan Abdul Latiff Endot menyerahkan watikah berkenaan kepada Menteri Sukan dan Budaya Fizikal Vietnam, Nguyen Danh Thai.

Latiff, yang juga Pengurus Ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001, dalam ucapannya berkata ekspedisi itu diadakan atas kesedaran dan tekad Malaysia untuk memelihara dan menyemarakkan persahabatan, semangat muhibah dan kejiwaan di kalangan negara ASEAN.

Latiff, yang juga Setiausaha Sulit Kanan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata ini akan menggalakkan lagi kerjasama dan saling membantu dalam semua bidang sesama anggota ASEAN.

Sementara itu, Thai dalam ucapannya menyatakan rasa besar hati negaranya kerana dijemput menyertai Sukan SEA 2001 dan berharap temasya sukan itu pada awal abad ke-21 ini akan berlangsung penuh gemilang.

Sementara itu, seramai 16 peserta juruterbang pelatih Rakan Muda yang menyertai ekspedisi Penerbangan Muhibah ASEAN 2001 itu berpeluang menimba pengalaman dan pengetahuan daripada juruterbang Vietnam dalam satu majlis perjumpaan di Jabatan Krew Penerbangan, Vietnam Airlines Corporation di sini, hari ini.

Jabatan itu, yang ditubuhkan hasil usaha sama kerajaan Vietnam dan syarikat penerbangan itu, melahirkan ramai juruterbang pesawat komersil Vietnam.

Bermula dengan 110 juruterbang ketika ditubuhkan pada 1959, jabatan itu kini mempunyai 235 juruterbang terlatih yang bekerja dengan Vietnam Airlines.

Seorang daripada juruterbang itu, Le Anh Tuan, 24, yang mencatatkan 1,500 jam penerbangan berkata interaksi antara juruterbang pelatih dan juruterbang kanan Vietnam dapat memberi manfaat kepada mereka.

Tuan, seorang daripada juruterbang muda di jabatan itu, berkata kebanyakan juruterbang di Vietnam menerima latihan di luar negara seperti di Perancis, Australia, Rusia dan Amerika Syarikat.

Tuan berkata pada masa ini Vietnam Airlines mempunyai enam pesawat Boeing-767, Airbus A320 (10), Airbus A231 (3), Focker-70 (2) dan ATR (6).

Beliau berkata syarikat penerbangan itu juga merancang membeli pesawat Boeing-777 dalam masa tiga tahun lagi dan berharap dipilih menerbangkan pesawat itu.

Ekspedisi Penerbangan Muhibah ASEAN 2001 yang melibatkan penerbangan dua pesawat ringan eksperimental Zodiac sejauh 4,000 batu nautika selama 17 hari bermula 5 Ogos lepas.

Ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pangkalan TUDM Sungai Besi pada 14 Julai lepas.

-- BERNAMA

JAI ZS NAK